

22/11/1999

Malaysia Bebas Sepadu Maju (HL)

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar; Johnny Giles Senin; Wan Hazmir Bakar
KUALA LUMPUR, Ahad - Barisan Nasional (BN) malam ini melancarkan manifesto pilihan raya umum ke-10 dengan mengajak rakyat bersama-sama mengekal dan memantapkan lagi kebebasan, perpaduan serta kemajuan negara.

Manifesto bertemakan Malaysia Bebas Sepadu Maju, dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini yang disiarkan secara langsung menerusi TV3.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Manifesto BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta lebih 1,000 ahli dan pemimpin 14 parti komponen BN dari seluruh negara.

Manifesto setebal 19 muka surat itu yang dicetak dalam enam bahasa, iaitu Melayu, Cina, Tamil, Inggeris, Iban dan Kadazan, adalah ringkas serta mudah difahami. Ia turut memuatkan gambar mengenai aktiviti pemimpin BN serta pencapaian negara sejak merdeka 42 tahun lalu.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menjelaskan secara terperinci tujuh perkara yang menjadi intipati manifesto berkenaan iaitu bebas, sepadu, ekonomi, agama, politik, sosial dan dasar luar.

Perdana Menteri menegaskan kebebasan bermaksud bebas sepenuhnya daripada sebarang bentuk penjajahan termasuk dari segi ekonomi, berpolitik dan menentukan dasar dalam negara serta membentuk sistem pemerintahan sendiri.

"BN akan menentukan rakyat negara ini terus bebas tanpa dikongkong oleh mana-mana kuasa besar termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Kita akan tentang sebarang percubaan asing untuk campur tangan," katanya dalam ucapan hampir sejam.

Malah, kata Perdana Menteri, BN akan terus memberi kebebasan kepada sesiapa saja, tetapi yang melakukan kesalahan mesti sanggup menerima hukuman.

"Kalau saya buat salah, saya boleh didakwa di mahkamah. Kalau Timbalan Perdana Menteri (Abdullah) buat salah, juga akan didakwa di mahkamah.

"Ini adalah peraturan undang-undang tetapi ada orang bila didakwa di mahkamah, mendakwa ia adalah konspirasi. Orang ini cakap tak serupa bikin," katanya sambil menerima tepukan hadirin.

Dalam bidang ekonomi pula, Dr Mahathir berkata, kerajaan BN akan terus mengagihkan kekayaan kepada semua kaum, tetapi tidak akan mengamalkan dasar ala Robin Hood dengan merampas kekayaan orang kaya untuk diagih kepada orang miskin.

Katanya, BN juga berjaya menghapuskan politik perkauman sehingga Pas sendiri sanggup bekerjasama dengan DAP, malah sedia menerima Lim Kit Siang untuk menyandang jawatan Perdana Menteri, meskipun Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum ini menyatakan bahawa jawatan itu hanya layak dipegang oleh ulama.

Perdana Menteri berkata, pembangkang hanya pandai menabur janji manis kerana mereka sedar tidak akan berupaya membentuk kerajaan.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, manifesto BN adalah janji yang boleh dilaksanakan kerajaan yang memerintah dan bukan hanya janji untuk memancing undi.

Perdana Menteri berkata, janji BN dengan tiga kata ringkas dan mudah difahami, iaitu untuk menjadikan Malaysia negara bebas, sepadu dan maju, akan mengikat kerajaan untuk melaksanakan apa yang dijanjikan.

"Kita buat manifesto, kita hanya janji benda yang kita boleh buat, kita pilih perkataan yang mudah difaham, kita nak rakyat faham apa kita nak

buat, bukan nak berbelit-belit, nak bercakap dengan perkataan yang tinggi sehingga rakyat tidak faham dan apabila jadi kerajaan, kita boleh kata kita tak kata itu (apa yang dijanjikan).

"Kita tak mampu jadikan Malaysia sebuah kuasa besar buat masa ini, kita tidak janji semua rakyat akan jadi jutawan, tidak janji bahawa apabila kita memerintah akan memberi pencen dan elaun kepada seluruh rakyat, tidak janji nak buat jalan dengan emas, kita tak berjanji seperti parti lawan berjanji," katanya.

Bercakap kepada pemberita pula, Dr Mahathir berkata beliau percaya rakyat pada keseluruhannya faham dengan huraian terhadap janji-janji dalam manifesto BN termasuk bebas menentang segala bentuk penjajahan moden kerana mereka turut merasai kesan kegawatan ekonomi akibat serangan penyangak mata wang.

"Masyarakat perdagangan juga akan faham dengan apa yang dimaksudkan dengan bebas daripada penjajahan moden itu kerana mereka menderita akibat serangan penyangak mata wang," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata Sarawak tidak akan mengadakan manifesto tambahan bagi negeri itu pada pilihan raya ini.

Katanya, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Pengerusi BN Negeri, membuat keputusan bahawa Sarawak tidak perlukan manifesto tambahan.